

Jenis Akhbar : Utusan Borneo Sarawak

Tarikh : 08/07/2026

Edisi / Muka Surat : Sarawak / 3

Tajuk : Bina rantaian nilai lebih kukuh dalam koperasi

Bina rantaian nilai lebih kukuh dalam koperasi

la bagi memastikan nilai ekonomi terus beredat dalam komuniti setempat di negeri ini: Awang Tengah

KUCHING: Rantaian nilai yang lebih kukuh perlu dibina dalam kalangan koperasi di negeri ini bagi memastikan nilai ekonomi terus beredat dalam komuniti setempat.

Timbalan Premier Sarawak Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan berkata koperasi pertanian, pelancongan, peruncitan dan kraf tangan tidak seharusnya bergerak secara berasingan, sebaliknya saling melengkapi.

"Sebagai contoh, koperasi pertanian boleh membekalkan hasil segar kepada chalet dan inap desa melalui konsep Farm-to-Table.

"Manakala koperasi peruncitan dan kraf tangan pula boleh memasarkan produk komuniti di destinasi pelancongan. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan pendapatan koperasi, malah memperkukuh ekonomi tempatan secara mampan," katanya dalam teks ucapan yang dibaca Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan Datuk Malcolm Mussen Lamoh pada Majlis Perasmian Bicara Ilmu: Ekopelancongan Koperasi - Dari Alam ke Ekonomi Komuniti di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK), semalam.

Awang Tengah berkata dalam era digital, koperasi juga perlu mengadaptasi konsep Pelancongan Pintar.

Menurutnya produk dan destinasi yang unik tidak akan mencapai potensi sebenar sekiranya tidak dipromosikan secara berkesan melalui platform digital.

Oleh itu, ujannya koperasi perlu memanfaatkan teknologi digital, memperkukuh pemasaran dalam talian, menyediakan kemudahan pembayaran tanpa tunai seperti S PAY Global serta

mengaplikasikan sistem pengurusan data pelawat yang lebih sistematik.

"Langkah ini akan meningkatkan kecekapan operasi dan pengalaman pelawat, sekaligus memperkukuh daya saing destinasi," tambahnya.

Awang Tengah memberitahu sehingga kini terdapat lebih 16,468 koperasi di seluruh negara dengan keanggotaan seramai 7.33 juta orang, aset melebihi RM186.75 bilion dan perolehan tahunan lebih RM81 bilion.

Angka itu katanya membuktikan gerakan koperasi mempunyai kekuatan ekonomi yang besar untuk menyumbang kepada pembangunan negara.

Beliau berpendapat dengan kekuatan tersebut, koperasi perlu melangkah lebih jauh daripada model perniagaan tradisional dan memanfaatkan peluang dalam sektor ekopelancongan melalui kerjasama yang lebih strategik serta bersepadu.

"Saya berharap program ini menjadi titik tolak kepada pembentukan lebih banyak kerjasama strategik yang mampu memperkasakan gerakan koperasi sebagai peneraju pembangunan ekopelancongan yang mampan di Sarawak. Saya yakin dengan tadbir urus yang baik, semangat kerjasama, inovasi serta kesediaan mengadaptasi teknologi, gerakan koperasi Sarawak mampu muncul sebagai contoh terbaik dalam pembangunan pelancongan berasaskan komuniti di peringkat nasional dan antarabangsa," ujannya.